

# → SUKAN



**Jun Hoong menjadi penerjun pertama negara memenangi pingat emas kejohanan dunia berkat tunjuk ajar Zhuliang.**

## 'Saya sedih hilang Zhuliang'

Jun Hoong sukar terima keputusan tetapi janji sesuaikan diri dengan perubahan



**Oleh Fadhlil Ishak**  
fadhlil.ishak@nst.com.my

■ Kuala Lumpur

J uara dunia, Cheong Jun Hoong memberikan penghormatan yang menyentuh perasaan kepada ketua jurulatih skuad terjun negara, Yang Zhuliang yang memainkan peranan penting mengasah bakatnya dalam sukan itu sejak beberapa tahun lalu.

Jun Hoong berkata, dia sedih apabila dimaklumkan kontrak Zhuliang tidak akan disambung bersama skuad elit dan menegaskan dia tidak akan mampu mencapai apa yang diraihnya hari ini tanpa tunjuk ajar jurulatih dari China itu.

Jun Hoong menjadi penerjun pertama negara memenangi pingat

emas kejohanan dunia selepas mendominasi acara 10 meter platform individu di Budapest, tahun ini yang turut menyaksikan dia meraih gangsa dalam acara 10 meter platform seirama bersama Pandelela Rinong.

Penerjun berusia 27 tahun itu turut berpasangan dengan Pandelela ketika memenangi perak Sukan Olimpik Rio 2016 dalam acara yang sama tahun lalu.

### Selamat maju jaya

"Saya sedih apabila mendapat berita Zhuliang tidak lagi menjadi jurulatih kami. Sukar untuk menerima keputusan ini tetapi ia sudah diputuskan dan saya perlu segera menyesuaikan diri dengan situasi ini."

"Saya sangat bertuah kerana mendapat tunjuk ajar daripada-

nya yang membawa saya pada tahap hari ini. Tanpa usaha kerasnya sejak beberapa tahun, mungkin kita masih belum ada juara dunia hari ini dan tiada pingat perak Olimpik."

"Seluruh dunia mengenalinya dan kewibawaannya tidak perlu dipertikaikan lagi," kata Jun Hoong.

Atlet kelahiran Perak itu turut mengucapkan selamat maju jaya kepada Zhuliang untuk masa depannya.

"Jika ini keputusan akhir, saya harap Zhuliang boleh gembira dan selamat maju jaya untuknya. Dia sebenarnya sangat penat selepas bertahun berkhidmat bersama Malaysia."

"Saya menghormati dan mengagumi beliau. Saya tidak akan lupakan segala jasanya," kata Jun Hoong.